

19 SEP 1998

Komanwel-Tinju (Peminat)

STADIUM MALAWATI DIJANGKA DIBANJIRI PENONTON

Oleh: Azhar Ghazali

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Sepanjang enam hari lalu, pertarungan tinju Sukan Komanwel ke-16 berlangsung di dalam stadium yang hampir lengang. Suasana ini dijangka berubah esok.

Lebih ramai peminat dijangka membanjiri stadium berkenaan esok berikutan pengumuman penaja Sukom Ninety-Eight Berhad semalam bahawa pintu Stadium Malawati di Shah Alam akan dibuka luas kepada orang ramai tanpa dikenakan bayaran bagi menyaksikan perlawanan-perlawanan akhir di mana 12 pingat emas menjadi rebutan.

Satu daripada mereka ialah wira tempatan Sapok Biki, yang telah membuat undangan terbuka kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyaksikan pertarungannya menentang peninju Kenya Moses Kinyua bagi merebut pingat emas kategori 48kg.

Dan menurut pembantu Dr Mahathir hari ini, Perdana Menteri dijangka pergi ke stadium itu untuk menyaksikan pertarungan tersebut yang dijadualkan pada pukul 2 petang sebagai pembuka tiran perlawanan akhir.

Di samping peminat tinju, para atlit lain dan pegawai pasukan lain juga diduga meramaikan lagi stadium kerana kebanyakan mereka telahpun menamatkan acara masing-masing.

Kekurangan penonton di Stadium Malawati menjadi perbualan umum terutamanya di kalangan wartawan asing dan pegawai pasukan hingga menyebabkan Sukom bertindak membenarkan orang ramai masuk percuma bagi perlawanan separuh akhir dan akhir.

-- BERNAMA

AZG ZAB